

## SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020

### PEMBAYARAN FASA KEDUA BSH 2020

#### A. Pembayaran Fasa Kedua

1. **S: Bilakah pembayaran Fasa Kedua BSH 2020?**

J: Pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 adalah seperti berikut:

Bil.	Kaedah Pembayaran	Tarikh Pembayaran
1.	Pengkreditan terus ke akaun penerima BSH	Mulai 16 Mac 2020
2.	Tunai di Kaunter BSN	

2. **S: Siapakah yang layak menerima pembayaran pada Fasa Kedua BSH 2020?**

J: Permohonan BSH 2020 yang layak menerima bayaran Fasa Kedua adalah merujuk kepada **Penerima BSH 2020 yang layak Fasa Pertama BSH 2020**.

3. **S: Berapakah amaun bayaran Fasa kedua BSH 2020 yang akan diterima oleh penerima?**

J: Bayaran Fasa Kedua BSH 2020 adalah sebanyak RM200 bagi semua penerima yang layak.

#### B. Kaedah Pembayaran Fasa Kedua BSH 2020

4. **S: Bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa Kedua BSH 2020?**

J: Pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 adalah merujuk kepada **kaedah pembayaran Fasa Pertama BSH 2020** seperti berikut:

i. **Berjaya Kredit ke akaun**

Pembayaran akan dilakukan kepada akaun bank Penerima Fasa Pertama BSH 2020

ii. **Tunai di Kaunter BSN**

Pembayaran akan dilakukan secara tunai sekiranya:

a. Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 secara tunai; atau

b. Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 berstatus Gagal Kredit

### C. Lain-Lain

5. **S: Adakah Penerima yang layak bayaran Fasa Kedua BSH 2020 akan layak menerima baki bayaran Fasa seterusnya BSH 2020?**

J: Tidak. Kelayakan pembayaran Fasa seterusnya adalah berdasarkan semakan verifikasi kelayakan bagi Permohonan BSH 2020 yang akan dibuat selepas tarikh tutup pendaftaran BSH 2020.

6. **S: Semakan melalui Portal BSH mendapati saya Tidak Layak sebagai penerima bayaran Fasa Kedua BSH 2020. Saya telah membuat Permohonan Baharu BSH 2020. Adakah permohonan saya tidak layak untuk menerima BSH 2020?**

J: Sekiranya anda tidak tersenarai sebagai Penerima Bayaran Fasa Kedua BSH 2020 dan telah membuat Permohonan Baharu / Kemas kini BSH 2020, permohonan anda akan melalui proses semakan dan verifikasi kelayakan selepas tarikh tutup pendaftaran bagi penentuan kelayakan BSH 2020 untuk pembayaran Fasa seterusnya.

7. **S: Semakan melalui Portal BSH mendapati saya Tidak Layak sebagai penerima bayaran Fasa Kedua BSH 2020 dan status permohonan saya adalah Belum Kemas Kini. Adakah saya perlu membuat kemas kini permohonan bagi melayakkan saya mendapat bayaran BSH 2020?**

J: Permohonan BSH 2020 berstatus Belum Kemas kini adalah bermaksud Permohonan BSH sebelum ini yang telah dibawa ke BSH 2020. Sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat, tindakan kemas kini tidak perlu dibuat. Permohonan berkenaan akan melalui proses semakan dan verifikasi kelayakan berdasarkan maklumat BSH sebelum ini selepas tarikh tutup pendaftaran bagi penentuan kelayakan BSH 2020 untuk pembayaran Fasa seterusnya.

8. **S: Adakah pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 telah mengambilkira amaun kelayakan tambahan anak yang telah didaftarkan?**

J: Bayaran Fasa Kedua BSH 2020 adalah sebanyak RM200 bagi semua Penerima Fasa Pertama BSH 2020 tanpa mengambilkira tambahan kelayakan anak. Tambahan kelayakan anak akan diambilkira apabila permohonan BSH 2020 melalui proses semakan dan verifikasi kelayakan selepas tarikh tutup pendaftaran bagi penentuan kelayakan BSH 2020 untuk pembayaran Fasa seterusnya.

9. **S: Saya telah membuat Permohonan Baharu BSH 2020 semasa tempoh pendaftaran, adakah saya layak menerima Bayaran Fasa Kedua BSH 2020 pada bulan Mac 2020?**

J: Bayaran Fasa Kedua BSH 2020 pada bulan Mac 2020 akan dibayar kepada Penerima Fasa Pertama BSH 2020 sahaja. Permohonan Baharu BSH 2020 yang telah dikemukakan akan melalui proses semakan dan verifikasi kelayakan selepas tarikh tutup pendaftaran bagi penentuan kelayakan BSH 2020 untuk pembayaran BSH 2020 seterusnya.

10. **S: Suami saya adalah pemohon BSH 2020 dan telah menerima Bayaran Fasa Pertama BSH 2020. Walau bagaimanapun, suami saya telah meninggal dunia pada bulan Januari 2020. Adakah saya layak menerima Fasa Kedua BSH 2020 suami saya?**

J: Pemohon BSH 2020 yang meninggal dunia pada bulan Januari 2020 **tidak layak** menerima bayaran Fasa Kedua BSH 2020 walaupun telah menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020.

Sekiranya anda membuat Permohonan Baharu BSH 2020 semasa tempoh pendaftaran BSH 2020, permohonan anda akan melalui proses semakan dan verifikasi kelayakan selepas tarikh tutup pendaftaran bagi penentuan kelayakan BSH 2020 untuk pembayaran BSH 2020 seterusnya.

11. **S: Suami saya adalah pemohon BSH 2020 dan telah menerima Bayaran Fasa Pertama BSH 2020. Walau bagaimanapun, suami saya telah meninggal dunia pada bulan Februari 2020. Adakah saya layak menerima Fasa Kedua BSH 2020 suami saya?**

J: Pemohon BSH 2020 yang meninggal dunia mulai bulan Februari 2020 **layak** menerima bayaran Fasa Kedua BSH 2020 sekiranya telah menerima Bayaran Fasa Pertama BSH 2020.

12. **S: Saya adalah pemohon BSH 2020 dan layak menerima Bayaran Fasa Pertama BSH 2020 dengan status Kahwin. Penerima Bayaran Fasa Pertama adalah Pasangan (isteri) saya. Walau bagaimanapun, saya telah bercerai dan telah menghantar Permohonan Kemas Kini BSH 2020 semasa tempoh pendaftaran BSH 2020. Adakah pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 akan dibuat kepada saya berdasarkan maklumat yang telah saya kemas kini (bercerai)?**

J: Pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 adalah berdasarkan data semasa pembayaran Fasa Pertama BSH 2020. Sekiranya berlaku perubahan maklumat dan tindakan kemas kini telah dibuat, maklumat terkini anda akan digunakan untuk pembayaran Fasa seterusnya setelah melalui

proses semakan dan verifikasi kelayakan selepas tarikh tutup pendaftaran bagi penentuan kelayakan BSH 2020.

**13. S: Saya tidak menerima sebarang Surat Makluman Pembayaran Fasa Kedua BSH 2020, apa yang perlu saya lakukan?**

J: Semakan status Pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 boleh dibuat pada Portal BSH. Tindakan yang perlu diambil sekiranya layak pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 adalah seperti berikut:

- i. Mempunyai Akaun Bank – Semak penyata akaun bank pembayaran mulai 16 Mac 2020
- ii. Tiada Akaun Bank – Hadir ke kaunter BSN mulai 16 Mac 2020 dengan membawa MyKad asal penerima

**14. S: Semasa menerima Bayaran Fasa Pertama BSH 2020, status pengkreditan adalah Berjaya Kredit. Walau bagaimanapun, Akaun berkenaan telah tidak aktif / tutup, bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa Kedua yang saya akan terima?**

J: Pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 akan dibuat berdasarkan akaun yang didaftarkan semasa pembayaran Fasa Pertama BSH 2020. Setelah status pengkreditan ke akaun diterima oleh LHDNM dan akaun berstatus tidak aktif / tutup, Surat Makluman Pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 akan dikeluarkan bagi pemakluman bayaran secara tunai di Kaunter BSN.

**15. S: Sekiranya saya diisytiharkan muflis dan akaun yang saya daftarkan sebelum ini telah dibekukan, bagaimanakah saya boleh mendapatkan bayaran BSH 2020?**

J: Tuan perlu merujuk kepada Jabatan Insolvency Malaysia untuk mendapatkan kebenaran membuka akaun bank / mengaktifkan semula akaun bank sebelum bayaran BSH 2020 dibuat.